



21.5.2023

## KENYATAAN MEDIA

oleh Ir. PATHMANATHAN K.  
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP.

### SITUASI WASPADA 4 AIR PULAU PINANG 2023: PBAPP TIDAK AKAN PUTUS ASA DALAM PERJUANGAN UNTUK MENGELAK KRISIS AIR DI AIR ITAM

- Kapasiti efektif 2,160 juta liter (JL) Empangan Air Itam telah menurun kepada 41.5% pada 19.5.2023.**
- PBAPP telah meminimumkan pelepasan harian dari empangan ini daripada 22 juta liter sehari (JLH) kepada 15 JLH pada bulan Mei. Pelepasan mungkin dikurangkan lagi.**

PULAU PINANG, Ahad, 21.5.2023: Pada Mei 2023, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah mengurangkan pelepasan hariannya dari Empangan Air Itam daripada 22 juta liter sehari (JLH) kepada 15 JLH. Pada Jun 2023, pelepasan harian mungkin diturunkan lagi untuk mempertahankan baki rizab air mentah empangan.

Apabila kapasiti efektif Empangan Air Itam jatuh di bawah 30%, PBAPP mungkin mengurangkan pelepasan harian kepada julat 10 JLH hingga 12 JLH. Ini satu-satunya pilihan rasional untuk menguruskan baki rizab air mentah empangan untuk bertahan sehingga September 2023.

Namun begitu, untuk “lebih selamat”, PBAPP segera meminta kerjasama pengguna air di Air Itam untuk mengurangkan penggunaan air mereka mulai sekarang.

Jadual berikut meringkaskan status dua empangan di Pulau Pinang:

	Kapasiti efektif		
	1.1.2023	19.5.2023	% penyusutan sejak 1.1.2023
EMPANGAN AIR ITAM	82.5%	41.5%	41%
EMPANGAN TELUK BAHANG	64.0%	45.7%	18.3%

Empangan Air Itam, dengan kapasiti efektif maksimum 2,160 juta liter (JL), adalah empangan yang lebih kecil daripada Empangan Teluk Bahang (18,240JL). Tanpa taburan hujan di kawasan tадahan airnya, kapasiti efektif Empangan Air Itam akan berkurangan lebih cepat berbanding Empangan Teluk Bahang.



Oleh itu, “pertahanan” baki rizab air mentah Empangan Air Itam adalah keutamaan misi untuk PBAPP pada masa ini.

#### Bekalan: Tindakan PBAPP dalam “mempertahankan” Empangan Air Itam

Kawalan kejuruteraan bekalan air cuaca kering telah dikenakan di Air Itam sejak 1.1.2023. Bagaimanapun, taburan hujan yang luar biasa rendah di kawasan tadahan air empangan tahun ini telah memaksa PBAPP untuk melaksanakan langkah-langkah kontingensi.

Sejak Mei 2023, PBAPP telah melaksanakan langkah-langkah berikut:

- Menghadkan pelepasan harian kepada 15 JLH;
- Mengoptimumkan pengabstrakan air mentah daripada muka sauk Main dan muka sauk Tat di kaki bukit Penang Hill untuk menambah pengeluaran air di Loji Rawatan Air (LRA) Air Itam. Jumlah pengabstrakan yang lebih tinggi daripada dua sumber air mentah tambahan ini mengurangkan pergantungan kepada air mentah dari empangan;
- Mengepam lebih banyak air dari LRA Sungai Dua di Seberang Perai untuk membekalkan sebanyak mungkin kawasan pinggir sekitar Air Itam. Langkah ini telah mengecilkan kawasan perkhidmatan atau liputan bekalan Empangan Air Itam untuk merangkumi premis hanya 6,000 pengguna air berbanding kira-kira 29,000 premis dalam keadaan biasa; dan
- Memberi respons pantas kepada laporan paip pecah atau bocor di dalam kawasan perkhidmatan Empangan Air Itam yang telah dikecilkan itu.

PBAPP mempunyai pilihan untuk beralih daripada “mod kontingensi” kepada “mod lebih tegas” dalam menguruskan Air Itam. Walau bagaimanapun, langkah kejuruteraan yang lebih tegas boleh mengakibatkan gangguan bekalan air. PBAPP tidak mahu menyusahkan pengguna di Air Itam sehingga benar-benar perlu berbuat demikian.

#### Permintaan: Pengguna air Air Itam perlu menyertai “perjuangan”

Sambil memberi tumpuan kepada langkah kejuruteraan bekalan air yang lebih ketat, PBAPP juga memerlukan kerjasama segera semua pengguna air di Air Itam untuk mengurangkan permintaan air.

Pada masa ini, setiap pengguna air Air Itam boleh memilih antara 2 pilihan:

- Pilihan pertama ialah ambil mudah, teruskan menggunakan air tanpa berhati-



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

hati dan mengharapkan yang terbaik.

- Pilihan kedua ialah menyertai PBAPP dalam berjuang untuk “mempertahankan” kapasiti efektif Empangan Air Itam selama yang mungkin, dengan hanya mengurangkan penggunaan air setiap hari.

PBAPP berharap majoriti pengguna air di Air Itam akan memilih pilihan kedua. Mereka yang memilih pilihan ini boleh layari [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my) untuk tip penjimatan air.

Sementara itu, bagi PBAPP sendiri, ia tidak akan berputus asa dalam berjuang untuk mengelak krisis air di Air Itam pada 2023.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@eba.com.my](mailto:syarifah@eba.com.my)